

***Usrah in Action* dan Edupelancongan: Memacu Literasi Murid Luar Bandar Pagoh**

Nora'azian Nahar^{1*}, Mazni Saad², Nurlailey Mohd Aroff³

¹Jabatan Bahasa Melayu, ²Jabatan Pelancongan, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontempori, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia, ³Sekolah Kebangsaan Pekan Pagoh, Muar, Johor, Malaysia

¹noraazian@iium.edu.my

²maznisaad@iium.edu.my

³elyross24@yahoo.com.my

*Corresponding author: noraazian@iium.edu.my

ABSTRAK

Program *Usrah in Action* yang digabungkan dengan konsep edupelancongan telah dilaksanakan bagi membantu meningkatkan tahap literasi murid luar bandar di Pagoh. Artikel ini membentangkan kajian yang dijalankan untuk menilai masalah literasi asas dalam kalangan murid sekolah rendah luar bandar dan keberkesanan program intervensi yang melibatkan pembelajaran berasaskan tempat serta sukarelawan berasaskan nilai Islam. Seramai 33 orang murid tahap 1 dan tahap 2 dari kelas pemulihan dipilih sebagai peserta kajian. Mereka telah melalui ujian pra bagi menentukan tahap literasi Bahasa Melayu, disusuli program edupelancongan berupa lawatan pembelajaran ke kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang melibatkan aktiviti bimbingan membaca oleh 33 orang mahasiswa daripada Jabatan Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa Inggeris, Jabatan Bahasa Arab dan Jabatan Pelancongan. Ujian pasca dijalankan untuk menilai peningkatan literasi, di samping temu bual dengan guru, ibu bapa dan analisis dokumen untuk menilai impak program secara kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan tahap literasi Bahasa Melayu murid pemulihan telah meningkat sebanyak 63.7%, selepas program *Usrah in Action* dan edupelancongan berbanding hanya 9% dalam ujian pra. Perbincangan artikel menyoroti faktor kekangan literasi dalam kalangan komuniti luar bandar serta bagaimana pendekatan kolaboratif antara universiti dengan pihak sekolah melalui *Usrah in Action* dan edupelancongan dapat mengatasi jurang tersebut. Implikasinya, kerjasama strategik sedemikian berpotensi dijadikan model dalam usaha memperkasakan literasi golongan murid terpinggir.

Kata kunci: Edupelancongan; Literasi; Luar bandar; Program intervensi; *Usrah in Action*

1. PENGENALAN

Literasi asas yang merangkumi kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur merupakan prasyarat penting untuk kejayaan akademik murid (Idrus, 2024). Namun, masih terdapat jurang yang ketara antara pencapaian literasi murid di kawasan bandar berbanding dengan luar bandar. Di Malaysia, hanya 58% murid menguasai kemahiran membaca dengan baik menjelang akhir Tahun 5, menunjukkan masih ramai murid luar bandar ketinggalan dalam literasi (Choudhury, 2024). Menurut Choudhury (2024), laporan Bank Dunia mendedahkan bahawa secara purata murid Malaysia mengikuti 12.5 tahun persekolahan formal tetapi pencapaian pembelajaran mereka setara dengan hanya 8.9 tahun, jauh lebih rendah berbanding dengan rakan sebaya di negara jiran seperti Vietnam. Keadaan ini membimbangkan terutamanya bagi keluarga berpendapatan rendah (B40) di luar bandar, yang sering berhadapan kekangan sosioekonomi dan kekurangan sumber sokongan pendidikan di rumah (Yahaya, 2025). Murid di Pagoh, Johor, yang majoritinya datang dari komuniti kampung dan kawasan pertanian turut berdepan dengan cabaran serupa. Pagoh secara umumnya dikategorikan sebagai kawasan luar bandar dengan infrastruktur pendidikan yang terhad. Ketiadaan bimbingan di rumah akibat ibu bapa sibuk mencari rezeki dan berpendidikan rendah, serta saiz kelas yang besar di sekolah (mencecah ~50 orang per kelas), mengakibatkan murid kurang mendapat perhatian individu dan tumpuan dalam pembelajaran. Fenomena ini selari dengan kajian Pane et al. (2025) yang mendapati kelemahan literasi murid luar bandar dipengaruhi oleh kurangnya galakan ibu bapa (yang sering kurang mahir atau tiada masa untuk membantu) dan halangan sosioekonomi keluarga.

Bagi menangani masalah tersebut, pendekatan intervensi yang inovatif dan bersifat menyeluruh diperlukan. *Usrah in Action* merupakan inisiatif sukarelawan berasaskan nilai Islam di peringkat universiti yang melibatkan para mahasiswa turun padang membantu komuniti. Program ini berlandaskan konsep *service learning* (pembelajaran melalui khidmat masyarakat) di mana mahasiswa mengaplikasikan pengetahuan akademik untuk menyelesaikan isu komuniti sambil memupuk kemahiran insaniah. Nilai kesukarelawanan dalam Islam seperti semangat *ukhuwah*, kepedulian sosial dan tanggungjawab fardu kifayah dijadikan teras, menjadikan program ini unik. Dari perspektif Islam, kerja sukarela dilihat sebagai satu bentuk *sadaqah* (amal jariah) dan dianggap sebahagian daripada ibadah, yakni setiap amalan membantu orang lain dinilai sebagai ibadat yang mendapat ganjaran pahala (Alzaareer dan Abdalla, 2023; Keskin dan Yucel, 2020; Sahri et al., 2016). Justeru, mahasiswa yang terlibat cenderung mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi untuk membantu murid-murid tersebut demi memenuhi tanggungjawab sosial dan agama mereka.

Selain itu, konsep edupelancongan atau pelancongan pendidikan digunakan dalam program ini sebagai pendekatan pembelajaran berasaskan tempat (*place-based learning*). Edupelancongan merujuk kegiatan pendidikan di luar bilik darjah yang digabungkan dengan

elemen lawatan atau pelancongan bagi memberikan pengalaman pembelajaran secara interaktif dan kontekstual. Menurut Yfantidou dan Goulimaris (2018), edupelancongan menyediakan peluang pembelajaran unik meliputi aktiviti pengembaraan atau lawatan dijadikan medium pendidikan, sekali gus merangsang minat dan motivasi peserta melalui pengalaman dunia sebenar. Contohnya, lawatan sambil belajar ke institusi pendidikan tinggi atau tapak bersejarah dapat memperkayakan pengetahuan murid di samping menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan menyeronokkan. Pendekatan pembelajaran berasaskan tempat sedemikian juga selari dengan dapatan bahawa pengalaman dunia nyata dapat meningkatkan penglibatan murid serta mengukuhkan pemahaman konsep yang dipelajari di kelas.

Berpandukan latar belakang di atas, kajian integrasi program *Usrah in Action* dan *edupelancongan* merupakan satu model intervensi untuk meningkatkan tahap literasi murid luar bandar. Antara objektif kajian yang dikenal pasti adalah seperti berikut, (1) mengkaji tahap literasi Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah kebangsaan di kawasan luar bandar Pagoh sebelum pelaksanaan intervensi dan (2) menilai keberkesanan program intervensi literasi membaca berasaskan *Usrah in Action* dan edupelancongan (lawatan pembelajaran) dalam meningkatkan kemahiran literasi murid-murid pemulihan di sekolah yang terlibat.

Dengan pelaksanaan program yang menggabungkan sukarelawan mahasiswa dan pendekatan pembelajaran kontekstual, diharapkan jurang literasi dapat dikecilkan dan model ini boleh diaplikasi di komuniti luar bandar yang lain pada masa hadapan.

2. TINJAUAN LITERATUR

Polisi kerajaan Malaysia mutakhir memberikan tumpuan kepada peningkatan celik literasi asas dan digital. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (PPPM)* menetapkan sasaran peningkatan literasi asas serta penguasaan 3M melalui pelbagai program sokongan (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013). Selari dengan itu, *Dasar Pendidikan Digital 2023* diperkenalkan untuk memperkukuh literasi digital, akses infrastruktur serta kemahiran teknologi dalam kalangan murid dan pendidik (KPM, 2023). Sementara itu, *MyDIGITAL: Malaysia Digital Economy Blueprint* turut menekankan pembangunan ekosistem pendidikan digital dan penyediaan capaian Internet yang inklusif (Unit Perancang Ekonomi, 2021).

Di peringkat institusi pengajian tinggi, *University for Society (U4S)* dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai usaha menggalakkan universiti melaksanakan projek komuniti berimpak tinggi (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2021). UIAM menyahut seruan ini melalui pelaksanaan kursus *Usrah in Action*, yang menekankan integrasi nilai Islam, ilmu dan khidmat komuniti sebagai sebahagian daripada kurikulum universiti (International Islamic University Malaysia [IIUM], 2021). Di samping itu, kampus UIAM Pagoh turut melaksanakan pelbagai program flagship seperti *Flagship Pagoh* yang memberikan fokus kepada pemerikasaan komuniti luar bandar melalui aktiviti pendidikan, pelancongan pendidikan dan

bengkel literasi (IIUM, 2022). Pendekatan universiti ini sejajar dengan agenda nasional untuk merapatkan jurang literasi bandar-luar bandar, di samping menyokong hasrat membudayakan pendidikan sepanjang hayat.

Literasi dalam Kalangan Murid Luar Bandar: Literasi asas (kemahiran 3M – membaca, menulis, mengira) merupakan indikator utama yang mempengaruhi prestasi keseluruhan murid. Pelbagai kajian mendapati murid di kawasan luar bandar sering ketinggalan dari segi pencapaian literasi berbanding dengan rakan sebaya di kawasan bandar (Pane et al., 2025). Faktor-faktor yang menyumbang kepada jurang ini termasuklah latar sosioekonomi keluarga, tahap pendidikan ibu bapa, kekangan infrastruktur, serta persekitaran pembelajaran di rumah. Kajian oleh Pane et al. (2025) di Pahang, Malaysia menunjukkan kelemahan kelancaran membaca dalam kalangan murid luar bandar berkait rapat dengan peranan ibu bapa. Ramai ibu bapa di luar bandar tidak dapat membimbing anak-anak dalam aktiviti membaca kerana kekurangan kemahiran bahasa atau kesibukan bekerja mencari nafkah. Ketiadaan rangsangan literasi di rumah mengakibatkan pembelajaran murid hanya terbatas di sekolah. Selain itu, sesetengah sekolah luar bandar menghadapi isu bilangan murid per kelas yang terlalu ramai, menyebabkan guru sukar memberikan perhatian individu kepada murid lemah. Justeru, intervensi tambahan di luar waktu sekolah adalah kritikal untuk membantu murid yang tercicir ini.

Konsep edupelancongan dan Pembelajaran Berasaskan Tempat didefinisikan sebagai gabungan aktiviti pelancongan dan pendidikan di mana proses pembelajaran berlaku melalui pengalaman langsung di lokasi luar daripada persekitaran bilik darjah formal (Ritchie et al., 2003). Konsep ini semakin mendapat perhatian sebagai kaedah pembelajaran alternatif yang dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap sesuatu subjek. Menurut Zulkifli (2024) pula, edupelancongan bukan sekadar lawatan suka-suka tetapi edupelancongan dapat memberikan peluang kepada kanak-kanak dan remaja menikmati pembelajaran secara interaktif dalam suasana baharu, contohnya di alam semula jadi atau institusi tertentu, sekali gus menggalakkan mereka lebih aktif secara fizikal dan mental dalam pembelajaran. Yfantidou dan Goulimaris (2018) menekankan bahawa edupelancongan mempunyai impak positif yang luas kerana edupelancongan melibatkan pelbagai komponen seperti pengangkutan, rekreasi, interaksi sosial, kebudayaan dan pendidikan dalam satu pakej pengalaman. Di kawasan luar bandar, edupelancongan boleh dimanfaatkan untuk mendedahkan murid kepada dunia luar dan sumber pembelajaran baharu. Pendekatan ini juga selari dengan *pembelajaran kontekstual*, di mana pengetahuan disampaikan melalui konteks dunia sebenar agar murid lebih mudah memahami dan menghargai ilmu yang dipelajari. Contohnya, lawatan ke sebuah universiti berdekatan boleh membuka minda murid luar bandar mengenai suasana pembelajaran di menara gading, sekali gus menyemai aspirasi untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Tinjauan literatur menunjukkan pembelajaran berasaskan tempat mampu memberikan pengalaman mendalam dan meningkatkan pencapaian pembelajaran, terutamanya bagi murid yang kurang bermotivasi dalam kaedah pembelajaran konvensional di kelas (Abdul Latif dan Mat Zin, 2019).

Sukarelawan Berasaskan Islam dan *Service Learning: Usrah in Action* adalah contoh program *service learning* unik yang diterapkan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk menggalakkan mahasiswa melibatkan diri dalam projek pembangunan komuniti (Abdullah et al. 2024). Berbeza dengan kerja sukarela biasa, program ini disulam dengan nilai-nilai Islam dan matlamat pembangunan lestari. Sukarelawan mahasiswa digalakkan menghayati konsep *ukhuwah fillah* (persaudaraan kerana Allah) dan *ikhlas* dalam membantu komuniti setempat. Penekanan kepada niat dan ganjaran akhirat menjadikan motivasi sukarelawan lebih teguh dan berterusan (Keskin dan Yucel, 2020). Literatur mengenai kesukarelawanan Islam menunjukkan bahawa aktiviti sukarela dianggap sebagai manifestasi prinsip etika Islam, di mana membantu orang lain dilihat sebagai tanggungjawab moral dan ibadah (Keskin dan Yucel, 2020; Sahri et al., 2016). Sahri et al. (2016) menegaskan bahawa falsafah ibadah dalam Islam merangkumi usaha-usaha sosial seperti mengajar, membimbing dan kerja komuniti sebagai cara untuk mendekatkan diri kepada Tuhan. Dalam konteks pendidikan, penglibatan sukarelawan berteras Islam dapat memberikan contoh teladan yang baik kepada murid serta mewujudkan suasana pembelajaran yang penyayang dan menyokong. Kajian lapangan oleh Cebecioglu, (2019) mendapati penglibatan dalam kerja komuniti mampu memupuk nilai iman dan takwa dalam kalangan belia, di samping meningkatkan rasa tanggungjawab sivik mereka. Oleh itu, pendekatan *Usrah in Action* bukan sahaja memberikan manfaat akademik kepada murid, malah menyuntik nilai murni dan motivasi rohani baik kepada murid mahupun para sukarelawan sendiri (Nahar, 2023).

Berdasarkan sorotan literatur ini, dapat dirumuskan bahawa intervensi literasi yang berkesan untuk murid luar bandar perlu merangkumi: Pertama pengalaman pembelajaran autentik, contohnya melalui edupelancongan yang menyediakan konteks dunia sebenar dan menyeronokkan; kedua, sokongan sukarelawan dan mentor, khususnya yang memahami nilai komuniti dan mempunyai empati tinggi, seperti mahasiswa dalam program berteras Islam; dan ketiga, penglibatan komuniti setempat termasuk ibu bapa dan institusi tempatan, untuk memastikan keberhasilan program dapat dikekalkan. Kombinasi ketiga-tiga elemen ini diyakini dapat menangani punca masalah literasi di luar bandar secara holistik, seterusnya meningkatkan keberkesanan sesuatu program literasi.

3. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan berbentuk kajian tindakan dengan elemen eksperimen ringkas (ujian pra dan pasca) serta kaedah kualitatif sokongan. Lokasi kajian ialah sebuah sekolah rendah kebangsaan di kawasan Pagoh, Johor yang tergolong dalam kategori luar bandar. Sampel kajian terdiri daripada murid Tahap 1 dan Tahap 2 yang dikenal pasti berada di dalam kelas pemulihan khas Bahasa Melayu kerana belum menguasai literasi asas membaca. Seramai 33 orang murid (20 orang lelaki dan 13 orang perempuan) dipilih secara bertujuan dengan kerjasama guru pemulihan sekolah tersebut. Murid-murid ini berumur sekitar 8-11 tahun

dan kesemuanya berasal dari komuniti setempat berpendapatan rendah. Sebelum intervensi, ujian pra literasi dijalankan menggunakan instrumen penilaian literasi asas Bahasa Melayu yang merangkumi kemahiran membaca perkataan, memahami ayat mudah dan menulis perkataan.

Guru pemulihan menjalankan ujian ini secara individu kepada setiap orang murid. Skor literasi ditentukan berdasarkan *Rubrik Literasi Kelas Pemulihan* yang menilai tahap penguasaan huruf (tahap paling rendah, ditanda sebagai K1) hingga kefahaman petikan ringkas (tahap tertinggi, ditanda sebagai K32). Intervensi: Program intervensi dijalankan selama tiga hari dua malam dalam bentuk kem literasi berkonsepkan edupelancongan di *Pagoh Education Hub*, iaitu kompleks hab pendidikan yang menempatkan cawangan universiti. Program dinamakan “Jom Celik Membaca Pagoh” ini melibatkan kerjasama antara sekolah, universiti (UIAM Pagoh) dan komuniti setempat. Murid-murid dibawa melawat ke Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari di UIAM Kampus Pagoh, sebagai lokasi utama program. Di sana, mereka disambut dan dibimbing oleh sekumpulan 33 orang mahasiswa UIAM yang bertindak sebagai fasilitator sukarelawan di bawah kursus *Usrah in Action 2*. Pelbagai aktiviti pembelajaran berasaskan tempat telah disusun:

Aktiviti pertama adalah merupakan Modul Bacaan “Kaedah Membaca Pantas” di mana murid menjalani sesi intensif belajar membaca menggunakan modul “Kaedah Membaca Pantas” iaitu satu modul fonik Bahasa Melayu yang interaktif. Sesi ini dijalankan di ruang bacaan fakulti dengan suasana kondusif. Setiap fasilitator mahasiswa memimpin seorang murid secara dekat, memberikan tunjuk ajar cara mengeja, mengenal suku kata, dan seterusnya membaca ayat mudah. Pendekatan *mentor-mentee* ini memastikan murid mendapat perhatian individu dan bimbingan mengikut tahap masing-masing berbantuan gajet-gajet digital.



Gambar 1. Program *Usrah in Action 1* di Sekolah Kebangsaan Pekan Pagoh



Gambar 2. Program *Usrah in Action* 2 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Aktiviti Literasi Bersepadu adalah aktiviti kedua iaitu murid turut terlibat dalam aktiviti pengayaan seperti *literacy scavenger hunt* di sekitar kampus (mencari objek berdasarkan klu bertulis), bercerita secara berkumpulan, dan lawatan ke bilik-bilik komputer di UIAM. Aktiviti santai seperti pertandingan mengeja, teka silang kata, mencari harta karun dan nyanyian lagu kanak-kanak bermesej pendidikan juga diselitkan bagi menambah keseronokan. Semua aktiviti direka bentuk agar murid pemulihan belajar secara tidak langsung dalam suasana yang menyenangkan, selaras dengan konsep edupelancongan.



Gambar 3 dan Gambar 4. Aktiviti di sekitar kawasan universiti dan di bilik Komputer

Aktiviti seterusnya adalah interaksi dengan Komuniti Universiti. Selain sesi akademik, murid diberi peluang berinteraksi dengan warga kampus dengan melawat kafe siswa, bilik-bilik pameran dan dewan kuliah bagi merasai pengalaman suasana pembelajaran di universiti. Mahasiswa sukarelawan bertindak sebagai pemandu pelancong pendidikan, menerangkan tempat-tempat tersebut dalam Bahasa Melayu mudah. Pendekatan ini bertujuan menyuntik motivasi dan cita-cita dalam diri murid untuk terus belajar sehingga ke menara gading.



Gambar 5 dan Gambar 6. Program Membaca di Dewan UIAM

Program berjalan dari pagi hingga petang setiap hari, dan murid pulang ke rumah penginapan (Mahallah / Asrama kolej kediaman yang disediakan) pada waktu malam bawah pengawasan guru pengiring. Ibu bapa murid turut dijemput hadir pada hari terakhir program untuk menyaksikan persembahan membaca oleh anak-anak mereka dan mengambil bahagian dalam sesi maklum balas.

Selepas tamat program (selang seminggu kemudian), murid-murid melalui ujian pasca literasi yang sama formatnya dengan ujian pra. Perbandingan skor pra dan pasca digunakan untuk menilai peningkatan tahap literasi masing-masing. Data kuantitatif skor literasi dianalisis secara deskriptif (peratusan peningkatan, skor min kumpulan) memandangkan saiz sampel hanya 33 orang.

Bagi melengkapi data kuantitatif, temu bual separa berstruktur dijalankan melibatkan: (a) Guru pemulihan untuk mendapatkan perspektif mengenai perubahan tingkah laku dan prestasi murid sebelum dan selepas program; (b) Ibu bapa murid untuk memahami rutin literasi di rumah dan kesan program terhadap minat anak-anak; dan (c) Pentadbir sekolah (Guru Besar, Guru Penolong Kanan dan Pegawai-pegawai Pemulihan Daerah), untuk menilai pandangan pihak sekolah tentang keberkesanan kolaborasi universiti dengan sekolah ini. Setiap temu bual mengambil masa 20-30 minit dan direkodkan dengan kebenaran responden. Selain itu, analisis dokumen dilakukan ke atas buku latihan murid, rekod bacaan, dan modul “Kaedah Membaca Pantas” yang digunakan, bagi meneliti perkembangan kemahiran secara lebih terperinci (contoh: jumlah halaman modul yang berjaya diselesaikan murid, catatan guru tentang kemajuan murid).

Keabsahan dan Kebolehpercayaan: Untuk meningkatkan keabsahan, triangulasi kaedah dilaksanakan dengan memadankan dapatan daripada ujian literasi, temu bual, dan analisis dokumen. Borang soal selidik dianalisis menggunakan kaedah analisis tema bagi mengenal pasti pola respons guru dan ibu bapa tentang perubahan literasi murid. Kajian ini turut mendapatkan *member-checking* dengan mengembalikan ringkasan dapatan kepada guru terlibat bagi pengesahan. Segala prosedur kajian diluluskan oleh pentadbiran sekolah dan mendapat kebenaran ibu bapa murid, dengan pematuhan kepada etika penyelidikan (kerahsiaan identiti murid dan penggunaan data hanya untuk tujuan akademik).

4. DAPATAN KAJIAN

4.1 Dapatan Objektif 1

Untuk mengkaji tahap literasi Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah kebangsaan di kawasan luar bandar Pagoh sebelum pelaksanaan intervensi. Berdasarkan Ujian pra yang dijalankan sebelum program menunjukkan tahap literasi murid berada pada tahap yang sangat rendah. Daripada 33 orang peserta, hanya tiga orang murid yang menguasai kemahiran mengenal huruf dan mengeja suku kata paling asas. (dikategorikan pada tahap K1 hingga K4 mengikut rubrik pemulihan), manakala tiada murid yang mampu membaca perkataan mudah dan tidak dapat memahami ayat ringkas dengan baik (tahap sekitar K6 hingga K10). Secara purata, skor pencapaian literasi pra adalah 9% sahaja berbanding dengan silibus Tahun 5. Hal ini bermakna murid-murid tersebut masih berjuang dengan kemahiran membaca peringkat awal walaupun usia mereka sudah 11 tahun. Cuma seorang murid dikenal pasti menghadapi masalah kritikal dan dicalonkan untuk Program Outreach iaitu Kelas Pendidikan Khas.

Dapatan hasil temu bual bersama dengan tiga guru yang mengajar di kelas pemulihan mengakui, mereka menyatakan bahawa murid pemulihan sebelum program, *“masih merangkak membaca, banyak yang belum kenal ‘ng’ atau ‘sy’... mereka hanya boleh baca perkataan dua suku kata, itu pun tersekat-sekat.”* (Guru BM 1)

Keputusan ujian pra turut konsisten dengan rekod pemantauan guru sebelum ini yang menunjukkan majoriti murid dalam kumpulan ini belum menguasai kemahiran 3M sejak Tahap I (Tahun 1 hingga 3). Antara faktor yang dikenal pasti melalui temu bual guru dan ibu bapa termasuklah kurangnya amalan membaca di rumah, tiada bahan bacaan sesuai, dan ketiadaan bimbingan khusus kerana ibu bapa tidak berupaya membantu. Kenyataan-kenyataan ini menggambarkan ekosistem pembelajaran di rumah yang lemah, menyumbang kepada tahap literasi pra intervensi yang rendah.

4.2 Dapatan Objektif 2

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan program intervensi literasi membaca berasaskan *Usrah in Action* dan edupelancongan (lawatan pembelajaran) dalam meningkatkan kemahiran literasi murid-murid pemulihan di sekolah yang terlibat.

Berdasarkan hasil temu bual bersama dengan murid pemulihan, guru yang mengajar di kelas pemulihan dan ibu bapa yang terlibat berikut merupakan respons daripada mereka.

Guru kelas mendapati murid yang terlibat dengan program *Usrah in Action* dan Edupelancongan kini lebih berani membaca kuat di kelas dan tidak segan meminta pertolongan jika tidak faham sesuatu perkataan. Jelasnya, keyakinan diri murid-murid menunjukkan peningkatan dalam pembelajaran. Pemerhatian pasca program mendapati mereka lebih aktif menyertai aktiviti membaca bersama dengan rakan sebaya dan tidak lagi malu dengan kekurangan diri. Perkara ini diluahkan oleh seorang murid (dalam sesi refleksi bersama dengan guru pemulihan):

“Seronok belajar kat UIA hari tu, sekarang saya rasa saya pun boleh pandai macam orang lain kalau saya cuba. Dulu saya ingat saya kurang pandai, tapi abang kakak kat universiti kata saya hebat boleh catch up cepat.” (Subjek kajian 6)

Ucapan murid ini memperlihatkan betapa pujian dan sokongan moral daripada fasilitator universiti meningkatkan harga diri dan motivasi intrinsik murid. Sekarang saya sudah yakin untuk masuk pertandingan bercerita kerana saya sudah boleh membaca Bahasa Melayu.

Analisis modul “Kaedah Membaca Pantas” yang dilengkapkan semasa program menunjukkan murid telah menguasai banyak kemahiran asas membaca. Misalnya, dalam modul tersebut terdapat 30 latihan, dan rata-rata murid berjaya menyiapkan hingga latihan ke-25 ke atas. Kesalahan ejaan dan bacaan yang dicatat guru dalam modul juga berkurang daripada awal hingga akhir program. Murid kini boleh mengenal pasti suku kata kompleks seperti “ng”, “sy”, “ber-”, dan “-kan” dengan betul. Mereka juga dilatih menggunakan teknik pengecaman suku kata pertama dan kedua untuk menyebut perkataan panjang, kemahiran yang didapati terus diaplikasikan dalam ujian pasca.

Hasil temu bual daripada seorang bapa mengakui, *“saya sendiri tak pandai sangat membaca, jadi susah nak ajar anak di rumah”*, manakala seorang ibu pula menyebut *“anak saya lepas sekolah biasanya main saja, saya pula sibuk kerja kilang syif malam, tak sempat tengok latihan dia.”* (Ibu bapa 6)

Guru pemulihan menyifatkan hasil yang dicapai sebagai *“luar biasa kerana murid pemulihan biasanya perlu bertahun-tahun untuk capai ke tahap ini, tapi mereka ni nampaknya lebih yakin dan termotivasi belajar selepas balik dari program”*.

Ibu bapa juga turut mendapat pendedahan kerana terlibat dalam program *usrah in Action* dan Edupelancongan. Mereka menyatakan *“Menariknya, program ini, kerana ibu bapa juga turut didedahkan dengan aktiviti membaca anak-anak di rumah menggunakan modul yang disediakan.”*

Jadi mereka turut membantu anak-anak untuk menguasai kemahiran asas bagi melayakkan diri anak-anak mereka untuk menyertai program Edupelancongan di UIA dalam Usrah in Action 2 nanti. Semasa sesi refleksi pada hari terakhir program, ibu bapa berpeluang melihat sendiri kemampuan anak-anak mereka membaca di hadapan khalayak. Ramai ibu bapa terharu dan gembira hingga ada yang menitiskan air mata melihat anak mereka maju. Seorang bapa menyatakan *“Baru saya tahu anak saya boleh membaca, selama ni ingat dia tak ada harapan. Lepas ni saya nak cuba cari buku cerita untuk ajar dia di rumah.”* Komitmen sebegini daripada ibu bapa selepas melihat keberhasilan program amat positif untuk kesinambungan literasi di rumah.

Dapatan temu bual mendalam dengan 8 orang ibu bapa murid pemulihan mendedahkan tiga tema utama berkaitan kesan pelaksanaan Usrah in Action dan Edupelancongan terhadap literasi anak-anak mereka berdasarkan tema-tema berikut:

4.3 Tema 1: Peningkatan Minat Membaca di Rumah

Sebahagian besar ibu bapa melaporkan bahawa anak-anak mereka menunjukkan minat baharu untuk membaca selepas menyertai aktiviti. Seorang ibu menyatakan, *“Dulu anak saya susah nak baca buku. Selepas ikut program usrah dia sendiri minta saya belikan buku cerita”* (Ibu bapa 4).

Bapa dan guru melaporkan perubahan positif sikap murid terhadap membaca. Lima daripada ibu bapa menyatakan anak mereka kini secara spontan mengambil buku dan cuba membaca di rumah, sedangkan sebelum ini langsung tidak berminat. Seorang ibu berkongsi, *“Setiap malam lepas balik program tu, dia akan ambil surat khabar lama cuba baca tajuk. Terkejut saya, sebab dulu nak suruh baca buku sekolah pun susah. Cikgu kata jika boleh membaca, kita akan pergi ke UIA”* (Ibu bapa 5).

4.4 Tema 2: Sokongan Ibu Bapa dalam Literasi Harian

Ibu bapa juga menekankan perubahan dalam peranan mereka. Mereka lebih aktif membantun anak-anak membaca terutamanya apabila anak berkongsi pengalaman daripada lawatan edupelancongan.

“Masa balik dari lawatan dia cerita pasal pokok yang dia baca kat papan tanda. Saya rasa lebih mudah nak bantu kerana dia kaitkan dengan apa-apa yang dia tengok” (Ibu Bapa 7)

4.5 Tema 3: Keyakinan Anak untuk Membaca Lantang

Ibu bapa mengamati peningkatan keyakinan anak untuk membaca di hadapan ahli keluarga. Seorang bapa berkata:

“Sekarang dia berani baca doa atau cerita depan adik-adiknya. Dulu dia pemalu sangat. Alhamdulillah ketiga-tiga anak kami terus dapat masuk kelas arus perdana. Ketiga-tiga masuk kelas pemulihan disebabkan mereka lahir tidak cukup bulan. Saya rasa bersyukur sangat setelah

mereka menyertai program *Usrah in Action di sekolah* dan Edupelancongan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia” (Ibu bapa 2).

Secara keseluruhannya, dapatan kuantitatif yang kukuh (peningkatan skor literasi) disokong oleh bukti kualitatif bahawa program gabungan *Usrah in Action* dan edupelancongan telah membawa impak besar kepada murid dari segi kemahiran, motivasi dan sikap. Tiada murid yang menunjukkan kemerosotan; semua mencatat kemajuan pada kadar berbeza-beza. Perbezaan pencapaian sedikit sebanyak wujud, misalnya murid yang lebih aktif semasa program cenderung mencapai tahap lebih tinggi (K30 ke atas), sementara yang pemalu kekal di tahap pertengahan namun tiada murid yang tertinggal di tahap paling rendah (K1-K10) selepas program kecuali seorang murid calon Kelas Pendidikan Khas tidak melepasi K1. Hal ini menandakan intervensi berjaya mencapai objektif untuk meningkatkan tahap literasi asas kesemua peserta.

Peningkatan Literasi Pasca-Intervensi dalam Objektif 2 menunjukkan selepas menyertai program *Usrah in Action 1 (Ujian Pra)* dan *Usrah in Action 2 serta aktiviti* Edupelancongan (Ujian Pasca) selama 2 semester, kesemua murid menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan dalam ujian pasca literasi. Purata skor literasi pasca meningkat kepada 72.7 %, berbanding hanya 9% dalam ujian pra. Peningkatan purata sebanyak 63.7% ini jauh melebihi jangkaan awal. Dari segi tahap rubrik, 17 orang murid berjaya melonjak ke kategori K25 hingga K32, iaitu tahap kemahiran membaca tertinggi dalam kelas pemulihan (mampu membaca perenggan mudah dan memahami makna teks) serta memperoleh markah penuh 50/50 dalam ujian saringan satu pencapaian yang luar biasa memandangkan sebelum ini mereka berada pada tahap asas K1 hingga K5. Baki 7 orang murid yang lain mencapai tahap pertengahan K15 hingga K24 (boleh membaca ayat kompleks dengan bantuan minimum). Secara individu, beberapa orang murid menunjukkan transformasi yang ketara. Contohnya, seorang murid lelaki (A) yang pada awalnya hanya dapat mengenal huruf vokal dan konsonan terbatas, selepas program mampu membaca buku cerita pendek 12 muka surat dengan sedikit bantuan. Seorang murid perempuan (B) yang sebelum ini pasif dan langsung tidak minat membaca buku, kini dilaporkan berani menyertai pertandingan bercerita dan aktif dalam kokurikulum Persatuan Bahasa Melayu.

Jelasnya, dapatan ini memperlihatkan bahawa program bukan sahaja memberikan kesan di sekolah, tetapi turut memperkukuh ekologi pembelajaran di rumah dengan peranan ibu bapa sebagai penyokong utama dalam perkembangan literasi anak. Motivasi dan minat membaca serta kemahiran teknikal membaca anak-anak bertambah apabila menggunakan modul “Kaedah Membaca Pantas” yang dilengkapi semasa program menunjukkan murid telah menguasai banyak kemahiran asas membaca.

5. PERBINCANGAN

Dapatan kajian sebelum intervensi mengesahkan kewujudan masalah serius dalam literasi murid luar bandar, selari dengan trend kebangsaan yang dibangkitkan oleh Kementerian Pendidikan.

Faktor kekangan sosioekonomi dan kurangnya sokongan pendidikan di rumah jelas menjadi punca utama. Seperti yang diutarakan oleh Chen et al. (2020), keluarga berpendapatan rendah sering tidak mempunyai masa, sumber atau keupayaan untuk menumpukan perhatian kepada pembelajaran anak di rumah. Dalam kajian ini menunjukkan, ramai ibu bapa peserta berpendidikan rendah dan bekerja dalam sektor tidak formal, menjadikan perhatian kepada kerja sekolah anak bukan keutamaan. Hal ini menyebabkan murid luar bandar bergantung sepenuhnya kepada pihak sekolah untuk pembelajaran literasi. Namun, sistem persekolahan arus perdana mungkin kurang bersesuaian bagi murid yang tertinggal jauh. Contohnya, silibus Bahasa Melayu Tahun 1 kini agak tinggi dan mencabar bagi murid tanpa asas membaca sejak prasekolah (Yahaya, 2025). Faktor bilangan murid ramai per kelas (ratio guru:murid tinggi) di sekolah luar bandar juga menyukarkan guru memberi intervensi individu. Dapatan kajian mendapati murid kekal pada tahap literasi rendah sehingga Tahun 5 kerana tidak mendapat perhatian khusus sehinggalah penyelidik membawa intervensi tambahan. Penemuan ini menekankan keperluan strategi pendekatan setempat (*locality-specific approach*) seperti yang dicadangkan oleh ahli Parlimen Pokok Sena, Dato' Ahmad Yahaya iaitu menyesuaikan kurikulum dan intervensi mengikut lokaliti luar bandar bagi meningkatkan literasi murid B40. Program yang dijalankan dalam kajian ini boleh dilihat sebagai satu contoh pendekatan setempat tersebut kerana dirangka khusus mengambil kira kekangan murid Pagoh dan melibatkan sumber komuniti terdekat (kampus UIAM Pagoh).

Peningkatan dramatik literasi pasca program menunjukkan bahawa gabungan bimbingan intensif sukarelawan dan pengalaman pembelajaran kontekstual adalah intervensi yang sangat berkesan. Hasil dapatan menunjukkan antara faktor keberkesanan program *Usrah in Action* dan Eduplancongan adalah kerana bimbingan secara individu dan sokongan emosional yang telah diberikan oleh sukarelawan UIAM. Hampir setiap murid pemulihan dalam program ini mendapat perhatian *one-to-one* daripada fasilitator mahasiswa. Dalam tempoh 2 semester hubungan rapat terjalin di mana murid berasa selesa dan berani cuba membaca tanpa takut diejek. Para fasilitator *Usrah in Action* dilatih dengan sikap penyayang dan sabar, sesuai dengan konsep *mahabbah* dalam Islam. Sokongan emosional ini amat penting untuk murid pemulihan yang lazimnya mempunyai konsep diri akademik yang rendah. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa *mentoring* berasaskan komuniti dapat meningkatkan keyakinan dan prestasi akademik murid lemah. Hasil dapatan kualitatif kajian menyokong hujah kajian (Markus et al., 1993) dan murid melaporkan rasa "*dihargai dan yakin boleh belajar*" selepas menerima dorongan daripada abang dan kakak sukarelawan. Malah, kesediaan mahasiswa meluangkan masa secara sukarela memberikan contoh teladan yang baik, menginspirasi murid untuk berubah.

Komponen edupelancongan dalam program ini juga merupakan pendekatan kontekstual yang menjadikan pembelajaran literasi satu pengembaraan yang menarik. Murid tidak lagi terperap di sekolah sahaja dengan buku teks semata-mata, sebaliknya mereka belajar melalui aktiviti interaktif seperti permainan bahasa, lawatan ke perpustakaan, dan permainan mencari harta karun. Hal ini menukarkan imej membaca daripada tugas membosankan kepada aktiviti

menyeronokkan. Teori pembelajaran konstruktivis menyatakan bahawa kanak-kanak belajar lebih efektif apabila mereka terlibat aktif membina pengetahuan melalui pengalaman sendiri. Dalam program ini, apabila murid berjaya menyelesaikan pencarian huruf atau membaca papan tanda sebenar di sekitar kampus, mereka merasai rasa pencapaian yang tinggi seterusnya menguatkan lagi minat untuk terus belajar. Tambahan pula, perubahan persekitaran, dari bilik darjah di sekolah ke kawasan kampus di universiti berfungsi sebagai rangsangan baru yang dapat meningkatkan tumpuan murid. Mereka merasakan lawatan ini istimewa dan tidak mahu melepaskan peluang, lalu kerjasama yang amat baik sepanjang program. Hasil ini selari dengan dapatan Yfantidou dan Goulimaris (2018) bahawa edupelancongan mampu meningkatkan penglibatan pelajar dan memberikan pengalaman pembelajaran yang mendalam berbanding dengan kaedah konvensional.

Satu keunikan program *Usrah in Action* dapat menyuntik elemen kerohanian dalam aktiviti untuk meningkatkan motivasi murid. Sepanjang program, mahasiswa sering mengaitkan usaha belajar sebagai satu ibadah. Misalnya sebelum memulakan sesi dengan doa, memberikan kata-kata perangsang bahawa “Allah suka orang yang menuntut ilmu” dan menceritakan kisah inspirasi tokoh Islam yang gigih membaca. Pendekatan ini berjaya menyentuh hati murid dan memberikan makna lebih besar kepada aktiviti membaca, bukan sekadar untuk lulus peperiksaan tetapi sebagai amalan yang baik. Hal ini memenuhi keperluan emosi dan rohani murid, menyebabkan mereka lebih terbuka menerima ilmu. Dalam temu bual bersama dengan ibu bapa murid pemulihan, mereka menyatakan rasa kesyukuran kerana program ini telah mengubah sikap anak-anak mereka. Mereka bukan sahaja berusaha keras untuk membaca buku-buku bahasa Melayu tetapi berusaha untuk dan berdoa agar mereka boleh membaca al-Quran. Hal ini menunjukkan integrasi literasi dengan nilai Islam telah menambah motivasi intrinsik murid ke arah literasi bukan sahaja sekular membaca buku sekolah tetapi juga literasi agama berusaha untuk membaca al-Quran. Apabila sukarelawan mengaitkan aktiviti mendidik dengan *ibadah*, hal ini dapat menginspirasi komuniti untuk turut menghargai ilmu sebagai sebahagian daripada kehidupan beragama. Justeru, impak program bukan sekadar akademik bahkan membentuk sikap positif menyeluruh. Dapatan ini juga menyokong dapatan kajian Sahri et al. (2016).

Program jalinan kerjasama antara universiti dengan sekolah ini juga membuktikan manfaat kolaborasi antara institusi pengajian tinggi dengan sekolah tempatan. Pihak universiti menyediakan sumber manusia iaitu mahasiswa terlatih dan pensyarah pakar serta fasiliti seperti ruang pembelajaran dan bahan bacaan yang mungkin tidak terdapat di sekolah luar bandar. Pihak sekolah pula, membekalkan konteks dan sasaran intervensi. Hasilnya, murid mendapat akses kepada pengalaman pembelajaran yang melangkaui kemampuan sekolah. Dari sudut polisi pendidikan, kerjasama sebegini menyokong matlamat “komuniti pembelajaran” yang lebih luas. Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan boleh memainkan peranan menggalakkan universiti angkat untuk sekolah pedalaman. Seperti yang dinyatakan dalam kerangka *Quadruple Helix* (penyepaduan kerajaan, universiti, industri, komuniti) oleh Md Hasim

et al. (2015), penglibatan pelbagai pihak mampu memberikan penyelesaian inovatif kepada masalah literasi luar bandar. Kajian ini memberi contoh model *University-Community Engagement* yang berjaya: UIAM Pagoh sebagai institusi tinggi setempat memikul tanggungjawab sosial membantu meningkatkan pendidikan komuniti sekeliling (Pagoh). Pendekatan bersepadu ini wajar diteruskan dan diperluas.

Dapatan kajian ini didapati konsisten dengan beberapa kajian lepas. Di peringkat antarabangsa, program *service learning* dilaporkan dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan sikap terhadap pembelajaran. Program literasi yang melibatkan sukarelawan sebagai tutor juga menunjukkan kejayaan di banyak tempat, contohnya *Projek BacaBaca* di Sabah yang menggunakan sukarelawan belia untuk mengajar membaca anak-anak kampung telah membantu ramai kanak-kanak menguasai 3M (Letchamanan, 2024). Sumbangan unik kajian ini ialah pengintegrasian elemen edupelancongan, yang kurang dilaporkan dalam konteks literasi. Berbanding dengan intervensi biasa di sekolah sahaja, pendekatan membawa murid keluar ke universiti memberikan dimensi pengalaman baharu. Program ini bukan sahaja meningkatkan literasi, malah membuka minda murid kepada aspirasi pendidikan lebih tinggi, seperti yang tercermin apabila murid menyatakan cita-cita ke universiti. Program ini ada persamaan dengan kajian oleh Hematian et al. (2017) di Iran yang mendapati lawatan ke kampus boleh menaikkan motivasi pelajar sekolah menengah untuk melanjutkan pelajaran.

Walaupun bagaimanapun, perlu diakui terdapat kekangan. Oleh sebab, program ini bersifat intensif jangka masa pendek, soal kekalannya jangka panjang belum dapat dipastikan melalui kajian ini sahaja. Peningkatan mendadak yang dicatat mungkin akan beransur menurun sekiranya murid kembali ke rutin lama tanpa susulan. Kajian ini tidak mempunyai kumpulan kawalan, justeru tidak dapat menolak sepenuhnya kemungkinan faktor luaran lain yang turut menyumbang (contoh: kematangan semula jadi murid, perhatian tambahan daripada guru selepas program kerana tumpuan publisiti). Namun, kombinasi bukti kuantitatif dan kualitatif dalam kajian ini memberikan keyakinan bahawa intervensi inilah pemangkin perubahan terbesar.

Hasil kajian ini membawa beberapa implikasi penting. Pertama, model intervensi kolaboratif patut dijadikan sebahagian daripada strategi meningkatkan literasi murid di luar bandar. Pihak kementerian boleh memperkenalkan program berskala besar yang menghubungkan universiti dengan sekolah rendah di luar bandar secara sistematik, contohnya melalui inisiatif *Sekolah Angkat Universiti*. Kedua, modul pembelajaran seperti “Kaedah Membaca Pantas” terbukti sesuai untuk murid pemulihan dan boleh diperluas penggunaannya dengan latihan kepada guru-guru pemulihan di sekolah lain. Ketiga, penglibatan ibu bapa perlu diarusperdanakan melalui komponen program yang melatih ibu bapa kaedah mudah membantu anak membaca di rumah, supaya keberlanjutan hasil intervensi lebih terjamin. Dari sudut penyelidikan, kajian lanjutan disarankan untuk menilai kesan jangka panjang program ini, contohnya menjejak prestasi murid-murid ini dalam tempoh 6 bulan hingga setahun akan datang.

6. KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa literasi Bahasa Melayu dalam kalangan murid luar bandar boleh dipertingkatkan dengan ketara melalui intervensi inovatif yang menggabungkan pendekatan edupelancongan dan sukarelawan berasaskan Islam. Pada awal kajian, murid-murid di Pagoh dikenal pasti berada pada tahap literasi yang amat rendah akibat faktor-faktor sosioekonomi dan kekangan persekitaran pembelajaran. Namun, melalui program *Usrah in Action* di mana mahasiswa universiti berganding bahu membimbing murid dalam suasana pembelajaran kontekstual interaktif, murid-murid tersebut berjaya mengejar ketinggalan. Objektif kajian telah tercapai: tahap literasi murid meningkat dengan signifikan (dari K1 kepada K32 bagi sebahagian murid, iaitu peningkatan ke tahap literasi tertinggi pemulihan), dan program intervensi terbukti berkesan memperbaiki kemahiran membaca dan membina motivasi serta keyakinan diri murid. Dapatan ini menguatkan lagi hujah bahawa kerjasama antara institusi pendidikan tinggi dengan sekolah merupakan pendekatan strategik yang boleh memberikan impak besar kepada pembangunan pendidikan komuniti luar bandar. Sokongan sukarelawan yang berteraskan nilai murni dan keilmuan, apabila digabung dengan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan, telah menghasilkan model intervensi literasi yang holistik.

Dari perspektif yang lebih luas, usaha meningkatkan literasi bukan tanggungjawab sekolah semata-mata, tetapi menuntut penglibatan pelbagai pihak seperti universiti, ibu bapa, komuniti dan pembuat dasar. Program *Usrah in Action* dan edupelancongan di Pagoh ini boleh dijadikan teladan bagaimana sinergi sedemikian mampu mengubah nasib murid-murid yang tercicir. Dengan mengambil iktibar daripada kejayaan ini, disarankan agar lebih banyak program seumpamanya dilaksanakan di kawasan luar bandar lain, disesuaikan mengikut keperluan setempat. Pihak berwajib juga perlu memastikan sokongan susulan (seperti kelas tambahan berkala atau penyediaan bahan bacaan percuma) agar momentum peningkatan literasi dapat dikekalkan.

Kajian ini tidak terlepas daripada beberapa kekangan praktikal. Antara cabaran utama adalah isu kekurangan akses kepada peranti digital dan capaian Internet dalam kalangan murid luar bandar. Kekangan ini telah diatasi sebahagiannya melalui inisiatif kerajaan seperti Program Jaringan Prihatin yang menyediakan bantuan peranti dan data kepada keluarga B40 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021). Dalam konteks projek Pagoh, pihak universiti menyediakan kemudahan tambahan seperti pinjaman peranti dan penggunaan infrastruktur kampus bagi memastikan kelancaran aktiviti literasi.

Sebagai kesimpulan, membina budaya literasi dalam kalangan murid luar bandar memerlukan inovasi, kolaborasi dan keprihatinan. Apabila mahasiswa, guru, ibu bapa dan komuniti berganding bahu, serta murid didedahkan kepada pengalaman pembelajaran yang bermakna, potensi diri mereka dapat dicungkil sepenuhnya. Program ini membuktikan bahawa dengan pendekatan yang betul, tiada murid yang “tidak boleh diajar”. Setiap anak mempunyai kebolehan untuk celik huruf dan cemerlang, asalkan diberikan peluang dan bimbingan yang

bersesuaian. Semoga model *Usrah in Action* dan edupelancongan ini menjadi pencetus kepada lebih banyak usaha berterusan dalam memartabatkan literasi dan pendidikan untuk semua, sejajar dengan agenda Pendidikan untuk Kelestarian dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG4: Pendidikan Berkualiti) di negara kita. Selain itu, kejayaan program ini menyokong agenda global *Matlamat Pembangunan Mampan (SDG4: Pendidikan Berkualiti)* yang menekankan pendidikan inklusif dan saksama untuk semua (United Nations, 2023). Pada masa yang sama, program seperti ini turut sejajar dengan matlamat pembelajaran UIAM yang berpaksikan *Sejahtera Academic Framework*, iaitu melahirkan graduan berilmu, berakhlak dan berbakti kepada masyarakat (IIUM, 2021). Justeru, model ini boleh dijadikan pencetus kepada usaha berterusan dalam memartabatkan literasi dan pendidikan untuk semua, khususnya dalam konteks komuniti luar bandar.

RUJUKAN

- Abdullah, N.N., Sahar, R., Nazir, F., Ramdzan Ali, A.A.E., Nahar, N.A., & Rosly, N.J. (2024). Modul Bimbingan Tutor Sukarelawan Belia Bahasa dan Literasi. KSTCL PRESS.
- Abdullah, N. S., & Mat Zin, N. (2019). *Pembelajaran Berasaskan Tempat dalam Meningkatkan Literasi* (Laporan Penyelidikan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alzaareer, A., & Abdalla, M. (2023). Exploring motivations and benefits of volunteering: The perspectives of high school students in selected Australian Islamic schools. *Religions*, 14(4), 508. <https://doi.org/10.3390/rel14040508>
- Cebecioglu, E. (2019). The role of volunteering in fostering civic responsibility and religious values among youth. *Journal of Islamic Social Sciences*, 15(2), 45-58.
- Chen, C.-Y.-C., Byrne, E., & Vélez, T. (2020). Impact of the 2020 pandemic on low-income families: Loss of resources for learning. *Frontiers in Sociology*, 5, 611763. <https://doi.org/10.3389/fsoc.2020.611763>
- Choudhury, R. (2024, April 27). *World Bank report sounds alarm on Malaysia's education system*. The Sun Malaysia. Retrieved September 1, 2025, from <https://thesun.my/style-life/going-viral/world-bank-report-report-expresses-concern-over-malaysia-s-education-system-PI12388869>
- Harakahdaily. (2025, February 24). *Tahap literasi pelajar keluarga B40 membimbangkan*. Harakahdaily. Retrieved [24 August 2025], from <https://harakahdaily.net/2025/02/tahap-literasi-pelajar-keluarga-b40-membimbangkan/>

- Hematian, F., Rezaei, A. M., & Mohammadyfar, M. A. (2017). On the effect of goal setting on self-directed learning, achievement motivation, and academic achievement among students. *Modern Applied Science*, 11(1), 37–47. <https://doi.org/10.5539/mas.v11n1p37>
- Idrus, A.I. (14 Jun 2024). *Jom Celik Membaca 2.0: Simposium Usrah in Action tingkatkan literasi murid luar bandar Pagoh*. Dewan Bahasa. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2024/06/14/13996/>
- International Islamic University Malaysia. (2021). *Sejahtera academic framework & Usrah in Action*. IIUM Press.
- International Islamic University Malaysia. (2022). *Flagship Pagoh: Community engagement initiatives*. IIUM Pagoh.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2021). *Laporan Program Jaringan Prihatin*. Putrajaya: MOF.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Dasar Pendidikan Digital 2023*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2021). *University for Society (U4S): Garis panduan pelaksanaan*. Putrajaya: KPT.
- Keskin, Z., & Yucel, S. (2020). Theologization of volunteerism: An Islamic perspective. In M. Peucker & M. R. Kayikci (Eds.), *Muslim Volunteering in the West* (pp. 21–41). London: Palgrave Macmillan.
- Letchamanan, H. (2024). Reading as a right: Projek BacaBaca and the purpose of the engaged university. *ACEEU Spotlight Article*. Retrieved from <https://www.aceeu.org/spotlight/projek-bacabaca>
- Markus, G. B., Howard, J. P. F., & King, D. C. (1993). Integrating Community Service and Classroom E-Instruction Enhances Learning: Results from an Experiment. *Educational Evaluation and Policy Analysis*, 15(4), 410–419.
- Md Hasim, N.N., Ahmad Firdaus, K. H., & Ahmad Dahlan, A. R. (2015). IIUM2World: Reaching out to the illiterates in rural community. *International Journal of Computer Science and Information Technology Research*, 3(4), 71–78.

- Nahar, N.A. (19 Disember 2023). *Ayuh Gilap Membaca: Usrah in Action bantu murid pemulihan membaca di SK Pekan Pagoh*. Dewan Bahasa. <https://dewanbahasa.jendeladb.my/2023/12/19/11365/>
- Pane, I. I. I., Mohd Izan, M. S., Yusuf, M., & Sanjaya, D. (2025). Exploring the fluency in reading among rural primary school students and the parents' role. *Forum for Linguistic Studies*, 7(4), 8–20. <https://doi.org/10.30564/fls.v7i4.8998>
- Ritchie, B. W., Carr, N., & Cooper, C. (2003). *Managing educational tourism*. Clevedon, UK: Channel View Publications.
- Sahri, M., Sirajuddin, M. D. M., Murad, K., & Alias, A. (2016). An analysis of the religious factor in empowering youth volunteers. In S. K. Ab Manan, F. Abd Rahman, & M. Sahri (Eds.), *Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry* (pp. 219–228). Singapore: Springer.
- Unit Perancang Ekonomi. (2021). *MyDIGITAL: Malaysia Digital Economy Blueprint*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- United Nations. (2023). *Sustainable Development Goal 4: Ensure inclusive and equitable quality education and promote lifelong learning opportunities for all*. New York: UN.
- World Bank. (2024). *Malaysia Economic Monitor – April 2024: Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills*. Washington, DC: World Bank Group.
- Yahaya, A. (2025, Februari 24). *Tahap literasi pelajar keluarga B40 membimbangkan*. Harakahdaily.
- Yfantidou, G., & Goulimaris, D. (2018). The exploitation of edutourism in educational society: A necessity for learning experiences through physical activity and recreation. *Sport Science*, 11(1), 8–15.
- Zulkefli, N.S. (26 Mei 2024). *Mahasiswa UIAM Bawa Harapan Baharu kepada Murid Pemulihan*. Dewan Bahasa. <https://dewanbahasa.jendeladb.my/2024/05/26/13590/>